

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN

TARIKH: 9 JANUARI 2020

MUKA SURAT: 10

BH diterbitkan oleh The New Straits
Times Press (M) Bhd,
31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur

Muk

E-mel: bhrencana@

Minda Pengarang

NHC bukan mengongkong

Kita amat bersetuju dengan hasrat kerajaan mewujudkan Perbadanan Perumahan Negara (NHC) bagi menyelaraskan isu berkaitan rumah mampu milik. Ia membuktikan kerajaan tidak pernah memandang ringan isu berkenaan yang diketahui amat dekat di hati rakyat.

Jika dilihat ketika ini, banyak sekali agensi atau syarikat terbabit dalam pembangunan rumah mampu milik. Banyak rumah yang dibina setiap tahun, namun banyak juga tidak terjual. Puncanya pelbagai, antaranya lokasi yang tidak sesuai, ketiadaan akses pengangkutan awam serta banyak yang tidak sesuai dengan kedudukan kewangan kelompok sasar.

Di sini peranan agensi seperti NHC diperlukan. Mungkin selepas ini perlu setiap projek berkaitan rumah mampu milik dirujuk terlebih dahulu kepada NHC. Tujuannya agar penilaian dapat dilakukan, sebelum projek diberikan kelulusan.

Namun, kewujudan NHC bukan bermaksud untuk mengongkong pemaju, sebaliknya bagi memastikan pembinaan memenuhi keperluan kelompok sasar khususnya golongan B40. Paling penting, ia untuk mengelak ada pemaju yang hanya membina projek perumahan mampu milik secara sambil lewa, sekadar memenuhi syarat ditetapkan.